

15 Tahun UMT Terus Sohor; Menelusuri Kejayaan Sebagai Universiti Berfokus Ilmu Kelautan Dan Sumber Akuatik

Berpegang teguh pada bidang tujuhan "Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik", UMT berada dalam kelasnya yang tersendiri dalam kalangan universiti berfokus lain khususnya di Pantai Timur di pesisir Laut China Selatan.

Revolusi Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

UMT bermula sebagai Pusat Perikanan dan Sains Samudera kepada Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1983 yang kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia. Namun, dengan permintaan dan pembangunan pesat institusi pengajian tinggi waktu itu, Menteri Pelajaran Malaysia waktu itu iaitu Tun Haji Abdul Razak telah mengumumkan pusat berkenaan

Prof Dato' Dr. Nor Aieni Hj. Mokhtar, Naib Canselor UMT

dinaikkan taraf menjadi Kolej Universiti Terengganu (KUT) dan mendapat kuasa autonomi pada tahun 2001. KUT saban tahun terus berevolusi menjadi Kolej Universiti Sains dan teknologi Malaysia (KUSTEM) dan selepas enam tahun, telah dinamakan sebagai UMT yang dikenali kini.

Penstrukturan Governan UMT

Bermula dengan bilangan staf keseluruhan seramai 614 orang, UMT kini mempunyai kekuatan kakitangan seramai 1,500 terdiri daripada staf pengurusan yang berpengetahuan luas dan ahli akademik dari pelbagai bidang tujuhan dan kepakaran. Sepanjang 15 tahun, seramai lima (5) Naib Canselor telah mentadbir UMT dengan penuh karisma dan kekuatan dalam mengangkat nama UMT ke peringkat global.

Buat pertama kalinya, UMT diterajui oleh Naib Canselor wanita iaitu Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Hj. Mokhtar dan merupakan diantara lima (5) orang Naib Canselor wanita di Universiti Awam Malaysia yang pernah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Pusat Kecemerlangan memperkasa kualiti akademik

UMT memahat sejarah apabila Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) diiktiraf sebagai satu-satunya Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) ke-7 di Malaysia pada tahun 2012 dalam bidang Sains Marin dan Oseanografi.

Sepanjang lima tahun pengiktirafan ini, pelbagai projek penyelidikan telah dijalankan dan amat membanggakan bagi UMT apabila Pangkalan Data Marin INOS adalah satu-satunya di ASEAN diiktiraf dan dilantik sebagai Associate Data Unit (ADU) di bawah International Oceanographic Data and Information Exchange (IODE) bagi "Intergovernmental Oceanographic Commission" (IOC) oleh UNESCO dan dari semasa ke semasa, pengumpulan dan penyampaian maklumat dan perkhidmatan berkenaan oseanografi ditambah baik dan mematuhi piawaian dan penetapan yang ditetapkan, selari dengan ISO 9001 dan Quality Management Framework IODE.



UMT juga terpilih sebagai satu-satunya rakan kerjasama strategik dari benua Asia Tenggara bagi TROPIMUNDO's Steering Board (STEB) untuk menjalankan program pengajian kerja kursus Master Sains Erasmus Mundus dalam bidang Tropical Biodiversity and Ecosystem (TROPIMUNDO) yang disokong penuh oleh European Commission (EC).

Terbaharu, UMT terus memperkasakan bidang Maritim, UMT telah diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Industri bagi Kluster Maritim ulung oleh KPT.

Pengiktirafan ini membolehkan UMT bersama-sama wakil industri yang dilantik iaitu Technology Depository Agency (TDA) bekerjasama dalam terus meningkatkan kebolehpasaran graduan (GE) UMT dalam industri melalui pelbagai program latihan industri berstruktur dan pemberian sijil profesional dalam bidang berkaitan.

Penemuan Baharu Mengukir Nama UMT dipersada Global

Pencapaian terbaik bagi para penyelidik di seluruh dunia apabila terjadi penemuan baharu bagi satu-satu bidang kajian yang menjadi nyawa dan nadi mereka. Melalui pelbagai ekspedisi penyelidikan juga, para saintis telah menemukan pelbagai spesies baharu hidupan liar yang belum dirungkai sebelumnya.

Begitu juga bagi para ahli akademik UMT yang ghairah kepada bidang masing-masing, pelbagai hasil penemuan dan inovasi telah ditemukan sepanjang 15 tahun UMT mengorak langkah dalam bidang pendidikan Malaysia.

Saintis INOS UMT telah berjaya menemui fenomena arus laut - Upwelling; arus yang membawa air bernutrien tinggi dari dasar ke permukaan laut; melalui pengumpulan data berterusan di Laut China Selatan yang pertama

kali dibuktikan di sepanjang kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan penemuan ini membuka dimensi baharu bagi membantu para nelayan mengenalpasti kawasan berpotensi tinggi dalam industri perikanan.

Institut Penyelidikan Kenyir (IPK) juga telah menemukan tasik air tawar semula jadi terbesar di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang dinamakan Tasik Berombak dan kawasan ini merupakan kawalan hidrologi ketika kemarau berikutan keunikan tanah gambut yang menyerap air dan menjadi penebat banjir bagi menampung air selain kaya dengan pelbagai flora dan fauna.

UMT juga telah memperkenalkan inovasi baharu dalam proses mempercepatkan kolonisasi karang bagi membentuk terumbu karang yang dinamakan Pelantar Perladangan Karang yang juga telah dipatenkan di Malaysia Intellectual Property Corporation (MyIPO).

Ekspedisi Saintifik Iktiofauna yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMT, Prof. Dr. Mazlan Abd Ghaffar telah dijalankan di Pulau Bidong berkemungkinan telah menemukan spesies ikan baharu dari family ikan blenniid bersing tiga (Tripterygiidae) dan kini dalam proses menentusahkan kewujudannya dengan kerjasama dari Profesor Dr. Hiroyuki Motomura dari Kagoshima University Museum.

Prof. Dato' Dr. Mohd Tajuddin Abdullah dan ahli kumpulan Canopy Research beliau juga telah berjaya merekodkan buat pertama kalinya spesies kelawar *Rhinolophus chiewkweeae* di negeri Terengganu dan juga merupakan catatan rekod ke-tujuh di dalam dunia yang ditemui di Sungai Buweh, Tasik Kenyir. Spesies ini telah ditemui oleh Profesor Dr. Yoshiyuki Mizuko dan En. Lim Boo Liat buat pertama kalinya di Kedah pada tahun 2005 lalu.

Kokurikulum serlah potensi cemerlang

UMT bukan sahaja hanya menumpukan kepada pembangunan akademik para pelajar, malah, mereka digalakkan untuk bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti kokurikulum dalam memantapkan sahsiah dan pengetahuan bagi mempersiapkan diri menempuh alam pekerjaan usai tamat pengajian kelak.

Terbinanya Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail di kampus utama UMT membuktikan UMT mendokong usaha dan aktiviti kokurikulum pelajar. Kompleks yang dilengkapi dengan kemudahan trek larian dan kolam renang berskala Olimpik, gelanggang badminton, gelanggang baling padang dengan lot parkir yang mencukupi saban hari dimanfaatkan para pelajar serta komuniti dari seluruh Malaysia.

Para pelajar UMT bersilih ganti mengukir nama dalam pelbagai bidang sukan dan pada masa yang sama, telah mengharumkan nama UMT di persada tanah air mahupun antarabangsa.

Terkini, pelajar dari Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim iaitu Azizatul Asma Tan Sri Abdullah telah mengharumkan nama UMT dengan memenangi Pingat Emas bagi acara Endurance Berpasukan dalam Sukan SEA ke-29 Kuala Lumpur bersama-sama Sultan Terengganu, KDYMM Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal

Abidin Ibin Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

UMT turut mengungguli bidang-bidang sukan di peringkat kebangsaan lain seperti baling padang, badminton dan juga tenis.

Kegemilangan Majlis Konvokesyen UMT

2017 bakal menyaksikan seramai 2,717 graduan bakal diraikan dalam Majlis Konvokesyen UMT ke-15 dengan turut menganiugerahkan Ijazah Kehormat kepada empat orang cendekiawan bertepatan dengan bidang tujuhan UMT.

Sehingga 2016, seramai 19 ahli akademik telah dianugerahkan dengan Ijazah Kehormat dan seramai enam orang telah menerima Anugerah Profesor Emeritus.

Peningkatan bilangan graduan UMT sepanjang 15 tahun membuktikan kualiti akademik yang ditawarkan UMT setaraf dengan Universiti Penyelidikan (RU) dan UMT telah tersenarai antara 300 Universiti Terbaik di Asia dan merupakan antara 200 Universiti terbaik di dunia dalam bidang Pertanian dan Perhutanan oleh QS World Ranking.

Alumni UMT Duta ke seluruh Dunia

Rekod Alumni UMT telah mencatatkan seramai 26,570 graduan UMT bergelar Alumni UMT bermula tahun 2003. Alumni UMT bertindak sebagai Duta UMT ke seluruh dunia.

Persatuan Alumni UMT merupakan saluran terbaik menghubungkan UMT, para Alumni dan Universiti, ke arah perhubungan yang lebih kukuh dan dapat kembali memberi sumbangan kepada universiti daripada pelbagai segi melalui program-program yang dianjurkan.

UMT akan terus mengorak dan mencorakkan langkah dalam bidang pendidikan tinggi sebagai universiti berfokus dan di sepanjang perjalanannya itu, terus menyebarkan tandapagar #UMTsohor tanda kegemilangan UMT di Malaysia dan di peringkat global.



Kelawar *Rhinolophus chiewkweeae*



Pelajar UMT, Azizatul Asma Abdullah, pemenang pingat Emas Sukan SEA '17



Rekod Alumni UMT telah mencatatkan seramai 26,570 graduan UMT bergelar Alumni UMT bermula tahun 2003.



UMT 15 TAHUN

FAKTA & ANGKA

Majlis Konvokesyen Ke-15 Universiti Malaysia Terengganu 18-20 November 2017

2,717 Jumlah Siswazah

- 41 Doktor Falsafah
- 163 Sarjana
- 2,384 Sarjana Muda
- 129 Diploma

15 Penerima Anugerah

- 2 Anugerah Pelajar Traja
- 1 Anugerah Pingat Emas Canselor
- 2 Anugerah Pro-Canselor
- 2 Anugerah Pengerusi LPI
- 8 Anugerah Naib Canselor

4 Penerima Ijazah Kehormat Doktor Sains

26,570 Jumlah Alumni UMT 2003-2017

17-20 November 2017 PESTA KONVO DATARAN PESTA KONVOKESYEN UMT

SERTAI! CARE UMT @alumni_umt_official

KOD QR Majlis Konvokesyen UMT Ke-15

